

26 APR 2001

Daim-Cuti

PENJELASAN TUN DAIM ZAINUDDIN TENTANG PERCUTIANNYA

SUNGAI PETANI, 26 April (Bernama) -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin hari ini berkata percutiannya selama dua bulan adalah bagi membereskan fail-fail untuk memastikan kegiatan ekonomi terus berjalan.

Katanya beliau telah memohon kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memberinya masa bagi menumpukan sepenuh perhatian terhadap fail-fail di atas mejanya.

"Saya perlu clear fail-fail saya. Kalau saya menghadiri mesyuarat sepanjang masa, saya tidak ada masa untuk clear fail-fail itu. Saya perlu memastikan terdapat kegiatan ekonomi di negara kita," katanya.

Beliau berkata sekiranya fail-fail di atas mejanya itu tidak bergerak, maka projek di peringkat bawah juga tidak akan berjalan.

"Saya perlu pastikan aktiviti ekonomi terus berjalan dalam keadaan kelembapan ekonomi sekarang ini," katanya ketika ditanya pemberita mengenai tindakannya mengambil cuti.

Daim ditemui pemberita selepas majlis Jasamu Dikenang sempena ulangtahun Umno ke-55, anjuran Umno Bahagian Merbok di sini.

Daim berkata adalah tidak adil jika beliau memohon untuk tidak menghadiri mesyuarat kabinet misalnya, semata-mata bagi memberi tumpuan kepada fail-fail projek pembangunan di atas mejanya.

"Dengan bercuti inilah satu-satunya cara saya boleh tidak menghadirkan diri dan memberi sepenuh perhatian terhadap fail-fail pembangunan itu...sebab itu saya korbankan cuti dan datang bekerja," katanya.

Inilah pertama kali Daim menjelaskan kepada media mengenai percutiannya yang telah menimbulkan pelbagai spekulasi dan dakwaan kononnya beliau tidak bertanggungjawab kerana mengambil cuti ketika ekonomi negara menghadapi masalah.

Ditanya mengenai perkara itu, beliau berkata orang memang suka membuat pelbagai spekulasi.

Jangan mudah percaya kepada khabar-khabar angin, katanya.

"Langkah terbaik jangan pedulikan spekulasi-spekulasi itu. Kalau kita jawab, mereka akan kata betullah, dan spekulasi itu berterusan...yang sebaiknya jangan pedulikan spekulasi itu," tegasnya.

Ditanya pula mengenai dakwaan pembangkang kononnya beliau tidak bertanggungjawab dengan mengambil cuti dalam keadaan sekarang, Daim berkata: "Saya tidak perlu menjawab mereka."

-- BERNAMA

MZM RON